



**SIDANG MEDIA MENTERI KANAN PERTAHANAN**

**MENGENAI PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN  
(PKP) DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT  
(PKPB)**

**16 FEBRUARI 2021**

**Mukadimah**

Saya mulakan sidang media hari ini dengan memaklumkan keputusan kerajaan berhubung status pelaksanaan PKP 2.0.

Seperti kita semua sedia maklum bahawa PKP 2.0 yang bermula 13 Januari 2021 dijadual tamat pada Khamis ini, 18 Februari 2021.

Hari ini Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah membentangkan kepada Sidang Khas MKN berhubung penilaian risiko serta pergerakan kes semasa COVID-19 di seluruh negara.

Secara umumnya, KKM memaklumkan bahawa kes di kebanyakan negeri telah mula menunjukkan **trend penurunan** bermula minggu ke-5 tahun 2021 iaitu selepas dua minggu pelaksanaan PKP 2.0.

KKM juga turut mengesahkan bahawa **trend kes import (rentas negeri) juga menurun bermula 3 Februari 2021.**

Walaupun, kes kekal tinggi di beberapa negeri khususnya di negeri **Selangor, WP Kuala Lumpur, Johor dan Pulau Pinang.**

Setelah membuat penilaian risiko serta perbincangan dengan pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal MKN, Sidang Khas hari ini bersetuju untuk **menukar status Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kepada Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Kedah, Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Terengganu, Kelantan, WP Putrajaya, WP Labuan serta Sabah dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) di Perlis bermula 19 Februari sehingga 4 Mac 2021.**

Walaupun bagi negeri **Selangor, WP Kuala Lumpur, Johor dan Pulau Pinang, Sidang Khas bersetuju untuk mengekalkan status serta melanjutkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga 4 Mac 2021.**

Sementara Sarawak, kerajaan negeri telah pun mengumumkan **pelanjutan PKPB di seluruh Sarawak bermula 15 Februari sehingga 1 Mac 2021.**

Dari sudut SOP PKPB, secara dasarnya apa yang dibenarkan atau tidak dibenarkan sebelum ini adalah sama untuk PKPB kali ini. Antara aktiviti yang dibenarkan dalam PKPB adalah seperti:

- Majlis Perkahwinan, Majlis Pertunangan, Kenduri Kendara, majlis akikah, doa selamat, tahlil, sambutan ulang tahun, majlis hari lahir, *reunion* dan majlis sosial lain dibenarkan dengan had kehadiran 50 peratus kapasiti tempat.
- Operasi sektor ekonomi dilanjutkan dari 6.00 pagi sehingga jam 12.00 tengah malam.

- Mesyuarat/MICE/Bengkel/seminar secara bersemuka dibenarkan dengan had 50 peratus kapasiti premis.
- *Dine-in* di kedai makan dibenarkan mengikut keluasan meja dengan penjarakan fizikal 1 meter.
- Kapasiti penumpang mengikut jumlah tempat duduk kenderaan.
- SPA dan Pusat Refleksologi turut dibenarkan.

SOP terperinci PKPB boleh dirujuk di laman sesawang MKN.

Sidang Khas hari ini bersetuju bahawa **syarat pergerakan dalam radius 10 kilometer DIBATALKAN berkuatkuasa hari ini**. Ini bermaksud pergerakan dalam daerah yang sama adalah dibenarkan.

Walaupun bagaimanapun, pergerakan rentas daerah dan rentas negeri di seluruh negara masih **TIDAK DIBENARKAN**, kecuali **rentas daerah bagi negeri Perlis adalah DIBENARKAN**.

### **Penamatan PKPD Kompleks Penjara Bentong Dan Kwarters Kakitangan, Bentong, Pahang**

- Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kompleks Penjara Bentong dan Kwarters Kakitangan, Bentong, Pahang yang dijadualkan tamat pada 22 Februari 2021.
- KKM telah melaksanakan **2,497 ujian saringan** dan daripada jumlah itu secara kumulatif sebanyak **760 kes positif COVID-19 telah dilaporkan**.

- Walaubagaimanapun, KKM mengesahkan baki kes di lokaliti ini menunjukkan **trend penurunan dan terkawal**.
- Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan bersetuju untuk **menamatkan PKPD di Kompleks Penjara Bentong Dan Kwarters Kakitangan, Bentong, Pahang pada 17 Februari 2021** lebih awal daripada yang dijadualkan.

### **Penamatan PKPD Felda Lasah dan Kg. Besi Api, Kuala Kangsar, Perak**

- Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Felda Lasah dan Kg. Besi Api, Kuala Kangsar, Perak yang dijadualkan tamat pada 17 Februari 2021.
- KKM telah selesai melaksanakan **271 ujian saringan** dan daripada jumlah itu sebanyak **7 kes positif COVID-19 telah dilaporkan**.
- Walaubagaimanapun, KKM mengesahkan baki kes di lokaliti ini menunjukkan **trend penurunan dan terkawal**.
- Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan bersetuju untuk **menamatkan PKPD di Felda Lasah dan Kg. Besi Api, Kuala Kangsar, Perak pada 17 Februari 2021** seperti yang dijadualkan.

## Penamatan PKPD Felda Tersat Kuala Berang, Hulu Terengganu, Terengganu

- Kerajaan juga sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Felda Tersat Kuala Berang, Hulu Terengganu, Terengganu yang dijadualkan tamat pada 17 Februari 2021.
- Sehingga kini, KKM telah melaksanakan **604 ujian saringan** dan daripada jumlah itu sebanyak **21 kes positif COVID-19 telah dilaporkan** di lokaliti ini.
- Walaubagaimanapun, KKM mengesahkan **tiada lagi sampel saringan yang sedang menunggu keputusan** dan kes positif terakhir yang dilaporkan adalah pada 9 Februari 2021 iaitu sebanyak 5 kes.
- Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan bersetuju untuk **menamatkan PKPD di Felda Tersat Kuala Berang, Hulu Terengganu, Terengganu pada 17 Februari 2021** seperti yang dijadualkan.

## Penamatan PKPD Tapak Bina Kwarters TNB Kuala Berang, Hulu Terengganu, Terengganu

- Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Tapak Bina Kwarters TNB Kuala Berang, Hulu Terengganu, Terengganu yang dijadualkan tamat pada 17 Februari 2021.
- Sehingga kini, KKM telah melaksanakan **121 ujian saringan** dan daripada jumlah itu secara kumulatif sebanyak **16 kes positif COVID-19 telah direkodkan**.

- KKM mengesahkan kesemua kes positif telah dimasukkan ke PKRC untuk rawatan dan tiada lagi kes baharu yang dilaporkan di lokaliti ini.
- Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan bersetuju untuk **menamatkan PKPD di Tapak Bina Kuarters TNB Kuala Berang, Hulu Terengganu, Terengganu pada 17 Februari 2021** seperti yang dijadualkan.

### **PKPD di Kampung Sungai Maong, Bahagian Kuching, Sarawak**

- KKM hari ini melaporkan situasi kes COVID-19 di Kampung Sungai Maong, Bahagian Kuching, Sarawak.
- KKM mengesahkan berlaku peningkatan kes secara mendadak iaitu dalam tempoh 12 sehingga 15 Februari 2021 sebanyak **13 kes positif COVID-19 telah direkodkan** melibatkan lokaliti ini.
- Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan bersetuju untuk **melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Sungai Maong, Bahagian Kuching, Sarawak bermula 17 Februari 2021 sehingga 2 Mac 2021.**
- Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM melaksanakan saringan secara bersasar ke atas kira-kira **700 orang** penduduk dan untuk memastikan tiada jangkitan dalam komuniti.

## Task Force Operasi Pematuhan

- Semalam, sebanyak **3,422** Pasukan *Task Force* Operasi Pematuhan Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang terdiri daripada **15,557 anggota** telah melakukan **65,436 pemeriksaan** bagi memantau dan menguatkuasa pematuhan SOP di seluruh negara.
- Sebanyak **6,031 restoran, 3,967 pasar raya, 3,902 bank, 3,239 tempat ibadah, 2,204 penjaja, 1,571 kilang, 2,664 pasar awam/tani, 1,461 tempat riadah dan 815 pejabat kerajaan** telah diperiksa.
- Semalam, PDRM juga telah menahan **596 individu** atas kesalahan ingkar SOP.
- Daripada jumlah itu, **532 telah dikompaun** manakala **64 individu direman**.
- Antara kesalahan ingkar SOP termasuk:
  - **Tiada penjarakan fizikal (155)**
  - **Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran (134)**
  - **Tidak memakai pelitup muka (121)**
  - **Gagal menyediakan peralatan/merekod butiran diri/pelanggan (83)**
  - **Premis beroperasi lebih masa/tanpa kebenaran (17)**
  - **Lain-lain (86)**

## Kawalan Sempadan Negara

- Operasi BENTENG melibatkan;
  - Angkatan Tentera Malaysia (ATM)
  - Polis Diraja Malaysia (PDRM)
  - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)
  - Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)
  - Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)
  - Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM)
- Semalam, Op BENTENG telah berjaya **mengusir 11 orang PATI** yang cuba memasuki sempadan negara dan menahan **satu (1) orang PATI, dua (2) penyeludup serta merampas 2 buah kenderaan darat** dalam operasi yang diadakan di seluruh negara.
- Dalam operasi itu juga, **111 buah bot/kapal turut dikesan** di perairan negara melalui **lima (5) aktiviti penglihatan**.
- Sebanyak **537 Sekatan Jalan Raya (SJR)** Operasi BENTENG juga dilaksanakan diseluruh negara yang melibatkan pecahan seperti berikut:
  - **Op BENTENG/PENAWAR (PDRM, ATM dan RELA) – 482 SJR**
  - **Op BENTENG PDRM – 46 SJR**
  - **Op BENTENG AKSEM – 9 SJR**



## Operasi Sanitasi Awam COVID-19

- Semalam, sebanyak **89 operasi sanitasi** telah dilaksanakan di seluruh negara yang merangkumi **35 Zon Merah, tujuh (7) Zon Jingga, sembilan (9) Zon Kuning dan satu (1) Zon Hijau**.
- Ops Sanitasi Awam di bawah kawal selia Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sejak 30 Mac 2020 telah melakukan **16,382 operasi sanitasi** merangkumi **146 zon iaitu zon merah (93), zon jingga (23), zon kuning (21) dan zon hijau (9)**.
- Operasi ini melibatkan **431 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), 198 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan 33 agensi lain-lain** serta **77 buah jentera JBPM**.

## Tapak Binaan

- Semalam, anggota Penguatkuasa Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah membuat **48 pemeriksaan** tapak binaan di seluruh negara dan mendapati **42 tapak binaan** beroperasi manakala **enam (6)** lagi tidak beroperasi.
- Hasil pemeriksaan mendapati, **kesemua 42 tapak binaan** mematuhi SOP yang telah ditetapkan.
- Secara keseluruhannya, CIDB sudah melakukan **15,393 pemeriksaan** melibatkan **8,699 tapak binaan** sejak **20 April 2020**.

## Saringan Wajib Pekerja Warga Asing

- Semalam, seramai **8,983** warga asing telah menjalani ujian saringan COVID-19 dan daripada jumlah itu, **37 didapati positif COVID-19**.
- Secara kumulatifnya, Kementerian Sumber Manusia (KSM) memaklumkan seramai **387,040** pekerja warga asing telah menjalani ujian saringan COVID-19 yang melibatkan **17,731** majikan.
- Daripada jumlah ini, sebanyak **7,365** telah disahkan **positif COVID-19** manakala **379,675** lagi adalah **negatif**.
- Sehingga kini juga, sebanyak **1,403 buah klinik** telah terlibat dengan program saringan ini.
- Seperti yang telah diumumkan, ujian saringan COVID-19 adalah **diwajibkan kepada semua pekerja warga asing mulai 1 Februari 2021** dan kos ditanggung majikan masing-masing.

## Barang Keperluan Asas

- Pemantauan serta pemeriksaan oleh anggota Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di peringkat peruncit dan pemborong mendapati bekalan makanan berada dalam keadaan stabil dan mencukupi.
- Semalam, KPDNHEP telah membuat **804 pemantauan harian ke atas 11 jenis bekalan barangan** yang terdiri daripada **peruncit (612), pemborong (160) dan pengilang (32)**.

- KPDNHEP juga telah melakukan **2,981 pemeriksaan khas Pematuhan SOP**.
- Daripada jumlah itu, **2,979 premis mematuhi SOP, lapan (8) diberi nasihat, satu (1) diberi nasihat manakala satu (1) lagi premis dikompaun**.

### **Berita Palsu**

- Sehingga 15 Februari 2021, sebanyak **283 kertas siasatan** telah dibuka oleh PDRM dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) berhubung berita palsu berkaitan COVID-19.
- Daripada jumlah ini, sebanyak **109 kes masih dalam siasatan, 51 kes telah didakwa di mahkamah dan 12 kes diberi notis amaran**.
- Bagi kes yang telah didakwa di mahkamah, sehingga kini **30 telah didapati bersalah** manakala **20 lagi dalam proses perbicaraan**.
- Pasukan Respon Pantas (PRP) di bawah KKMM juga telah mengeluarkan sebanyak **427 penafian dan penjelasan** mengenai berita palsu berkaitan COVID-19.
- Sekiranya terdapat sebarang berita yang diragui kesahihannya, anda boleh menyemak atau menyalurkan maklumat kepada PRP di talian **03-8911 5103** atau layari [WWW.SEBENARNYA.MY](http://WWW.SEBENARNYA.MY).

## Penutup

Walaupun kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan PKPB di beberapa negeri serta PKPP di Perlis, perkara yang paling penting ialah pematuhan kepada SOP.

Dalam konteks ini, pematuhan SOP adalah bukan kerana takut kepada tindakan pihak berkuasa semata-mata, sebaliknya perlu dilakukan atas kesedaran diri sendiri demi menjaga kesihatan diri serta keluarga masing-masing.

Kita tidak mahu apabila PKPB atau PKPP dilaksanakan, kes baharu terus meningkat kerana kita perlu sama-sama melandaikan lengkuk serta mengurangkan tekanan kesihatan.

Memutuskan rantaian COVID-19 sangat penting dan elakkan keluar rumah sekiranya tiada keperluan.

Teruskan mematuhi SOP dan amalkan kawalan sendiri serta norma baharu demi keselamatan diri, keluarga dan masyarakat.